



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PEGUAM NEGARA

# KENYATAAN MEDIA

## PERKEMBANGAN PROSIDING INKUES KES ZARA QAIRINA

Jabatan ini maklum dan menyedari mengenai perhimpunan “*No Justice No Merdeka*” yang dikatakan akan berlangsung pada hujung minggu ini di Negeri Sabah berhubung kematian Zara Qairina binti Mahathir, meskipun pihak Pendakwa Raya telah mengemukakan permohonan kepada Mahkamah Koroner Kota Kinabalu bagi mengadakan inkues selaras dengan subseksyen 339(1) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]. Prosiding inkues berhubung kematian Zara Qairina binti Mahathir telah ditetapkan untuk pendengaran pada 3 hingga 5, 8 hingga 12, 17 hingga 19, 22 hingga 26 dan 29 hingga 30 September 2025.

Setakat ini pihak Pendakwa Raya yang bertindak sebagai Pegawai Pengendali bercadang untuk memanggil lebih kurang 70 orang saksi. Antara saksi utama yang akan dipanggil untuk memberi keterangan ialah pakar patologi yang telah melakukan pemeriksaan *post-mortem* ke atas jenazah Zara Qairina binti Mahathir, yang akan menerangkan mengenai punca kematian mangsa. Pasukan Pegawai Pengendali juga telah membuat persiapan rapi, termasuk penyediaan dokumen yang akan dikemukakan semasa prosiding inkues tersebut serta penyerahan dokumen tersebut kepada peguam-peguam yang mewakili pihak-pihak berkepentingan dalam prosiding berkenaan.

Prosiding inkues ini juga akan disertai oleh pihak-pihak berkepentingan dan peguam pemerhati sepertimana yang telah dibenarkan oleh Mahkamah Koroner. Pihak-pihak berkepentingan iaitu Ibu Zara Qairina binti Mahathir diwakili oleh Tetuan Hamid & Co,

Shahlan Jufri & Co, Tetuan Rizwan M Borhan & Co, JP Keruak serta Messrs FN Lee & Nasser. Pihak berkepentingan pesalah kanak-kanak pertama diwakili oleh Tetuan Ram Singh & Co serta Goh & Associates dan pihak berkepentingan pesalah kanak-kanak kedua hingga kelima diwakili oleh Tetuan Azhier Arisin & Jaafar. Sabah Law Society pula bertindak sebagai peguam pemerhati.

Jabatan ini bertekad untuk memastikan prosiding inkues dapat dijalankan dengan lancar bagi memastikan keadilan dapat ditegakkan dan Jabatan ini juga berpegang kepada prinsip keadilan bukan sahaja hendaklah dilaksanakan, tetapi juga hendaklah dilihat sebagai telah dilaksanakan (*Justice must not only be done but must also be seen to be done*).

## **JABATAN PEGUAM NEGARA**

**29 OGOS 2025**